

Ibu Bapa Dan Masyarakat Perlu Bersama Tangani Jenayah Seksual

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 06 Disember 2019 16:14 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 33

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



**JUMAAT, 6
DISEMBER**
– Ibu bapa dan masyarakat awam merupakan individu yang

bertanggungjawab untuk melindungi mangsa jenayah seksual dan berperanan besar dalam usaha mengatasi masalah gejala sosial ini daripada berlaku ke atas mana-mana individu.

Menurut Ketua Unit Penyelidikan Psikologi dan Kerja Sosial (UPPSiKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Hj. Bahari, ini kerana mereka yang menjadi mangsa jenayah seksual mudah mengalami gangguan emosi dan trauma sekiranya mereka diperlakukan dengan perlakuan yang tidak sepatutnya apatah lagi perlakuan tersebut dilakukan oleh orang yang dikenali.

“Gangguan Emosi yang berlaku ke atas seseorang bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan terutamanya terhadap kanak-kanak.

“Gangguan emosi yang terlampau boleh mengundang padah dan membawa maut sekiranya tidak dibendung dengan segera,” katanya ketika menyampaikan ceramah bertajuk “Kesan Jenayah Sosial: Gangguan Emosi dan Trauma” bersempena dengan program Kempen Kesedaran Jenayah Seksual yang berlangsung di Institut Perguruan Keningau baru-baru ini.

Tambah Dr. Muhammad Idris, masyarakat tidak seharusnya mengamalkan sikap ‘menjaga tepi kain sendiri’ kerana menjaga keamanan dan keselamatan adalah tugas semua orang.

Dalam pada itu, program anjuran Polis Diraja Malaysia (PDRM) Sabah itu diadakan bertujuan untuk memujuk masyarakat untuk terlibat dan bekerjasama dengan PDRM Sabah dalam membanteras jenayah seksual yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Program tersebut dihadiri oleh lebih 800 orang yang terdiri daripada masyarakat yang berada di sekitar Keningau, Tenom, Nabawan dan Tambunan.